

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

TEBING RUNTUH AKIBAT HUJAN LEBAT

PENGHUNI 17 RUMAH DIARAH BERPINDAH

Seramai 52 penghuni 17 rumah teres di Taman Bunga Raya, Jalan Genting Klang di sini, terpaksa dipindahkan susulan kejadian tanah runtuh, petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju Asisten Komisioner Mohamad Lazim Ismail berkata, arahan pengosongan itu membabitkan kediaman berisiko tinggi.

Menurutnya, mangsa membabitkan 26 lelaki dan 26 wanita diarah mengosongkan kediaman masing-masing kerana dibimbangi berlaku tanah runtuh susulan berikutan musim hujan ketika ini.

“Satu pusat pemindahan sementara (PPS) turut dibuka di Dewan Badminton Taman Bunga Raya untuk semua penghuni yang terjejas dalam kejadian itu.

“Ada sebahagian kecil yang tinggal sementara di PPS, manakala selebihnya memilih untuk menumpang di rumah saudara mara dan juga menginap di hotel.

“Tiada kediaman yang terjejas dalam kejadian itu, cuma sebuah rumah berada terlalu dekat dengan tebing yang runtuh.



ANGGOTA bomba bersama Skwad Kecemasan DBKL melakukan pemeriksaan keselamatan melibatkan sebuah rumah yang terjejas dalam kejadian tanah runtuh di Taman Bunga Raya ekoran hujan lebat.

“Berikutan itu, atas nasihat pihak bomba, penduduk di 17 kediaman itu dinasihatkan berpindah berikutan lokasi itu masih berisiko,” katanya.

Mengulas lanjut, kejadian tanah runtuh itu dilaporkan berlaku kira-kira

jam 5.30 petang kelmarin susulan hujan lebat lebih dua jam yang melanda ibu kota.

“Pada pagi ini (semalam), pihak bomba dan De-

Sebuah rumah berada terlalu dekat dengan tebing yang runtuh

wan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyambung tugas pembersihan dan kawasan tebing yang terjejas ditutup dengan kanvas,” katanya.

Tambah Mohammad Lazim, pihaknya kini juga menempatkan balai polis bergerak di lokasi untuk melakukan pemantauan bersama pihak bomba, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan DBKL. Selain itu, katanya pihak

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut ke lokasi bagi membantu mengkoordinasi pemindahan semua penghuni yang terjejas.

Sementara itu, hujan lebat kelmarin menyebabkan limpahan air sungai Klang hingga menenggelamkan kawasan parkir kenderaan di luar Pusat Dagangan Putra Kuala Lumpur (WTC).

Dianggarkan kira-kira 50 kenderaan gagal diselamatkan dan ditenggelami air sedalam kira-kira setengah meter.

Kawasan sekitar sesak dengan kenderaan susulan ketika ini sedang berlangsung Perhimpunan Agung Umno (PAU) 2024 menimbulkan suasana panik seketika, namun ia dapat dikawal dengan bantuan pelbagai pihak termasuk pihak pengurusan WTC untuk mengeluarkan kenderaan.

Tidak jauh dari lokasi sama, kejadian banjir turut menenggelamkan puluhan kenderaan yang diletakkan di bekas tapak Hentian Bas Putra, yang kini dijadikan tempat letak kereta awam.



ANTARA kenderaan yang ditenggelami banjir di kawasan parkir berhampiran Pusat Dagangan Dunia (WTC), semalam. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS